

D.R. 2/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN
DIGITAL 1997**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

**PENGAWAL PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN
DAN PELESENAN PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN**

3. Pelantikan Pengawal.
4. Pihak berkuasa pemerakuan hendaklah dilesenkan.
5. Kelayakan pihak berkuasa pemerakuan.
6. Fungsi pihak berkuasa pemerakuan berlesen.
7. Permohonan bagi mendapatkan lesen.
8. Pemberian atau keengganan memberi lesen.
9. Pembatalan lesen.
10. Rayuan.
11. Penyerahan balik lesen.
12. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau habisnya tempoh lesen.
13. Kesan ketiadaan lesen.

2 Rang Undang-Undang

Fasal

14. Pengembalian lesen.
15. Lesen terhad.
16. Sekatan ke atas penggunaan ungkapan "pihak berkuasa pemerakuan".
17. Pembaharuan lesen.
18. Lesen hilang.
19. Pengiktirafan lesen lain.
20. Audit prestasi.
21. Pengecualian daripada audit prestasi.

BAHAGIAN III

KEHENDAK KE ATAS PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN BERLESEN

22. Aktiviti pihak berkuasa pemerakuan berlesen.
23. Kehendak untuk mempamerkan lesen.
24. Kehendak untuk mengemukakan maklumat dan butir-butir yang berhubungan dengan kendalian perniagaan.
25. Pemberitahuan mengenai pertukaran maklumat.
26. Kehendak tentang pengiklanan.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN BERLESEN DAN PELANGGAN

BAB 1

Kehendak am bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen

27. Penggunaan sistem boleh dipercayai.
28. Penzahiran atas pertanyaan.
29. Prasyarat kepada pengeluaran perakuan kepada pelanggan.
30. Penyiaran perakuan yang dikeluarkan dan diterima.
31. Penerima-pakaian kehendak yang lebih ketat dibenarkan.
32. Penggantungan atau pembatalan perakuan kerana pengeluaran tidak betul.
33. Penggantungan atau pembatalan perakuan oleh perintah.

BAB 2

Waranti dan obligasi pihak berkuasa pemerakuan berlesen

Fasal

34. Waranti kepada pelanggan.
35. Obligasi berterusan kepada pelanggan.
36. Representasi atas pengeluaran.
37. Representasi atas penyiaran.

BAB 3

Representasi dan kewajipan atas penerimaan perakuan

38. Representasi tersirat oleh pelanggan.
39. Representasi oleh ejen pelanggan.
40. Penolakan atau tanggung rugi terhad.
41. Penanggungan kerugian pihak berkuasa pemerakuan berlesen oleh pelanggan.
42. Pemerakuan ketepatan maklumat yang diberikan.

BAB 4

Kawalan ke atas kunci persendirian

43. Kewajipan pelanggan untuk menyimpan kunci persendirian dengan selamat.
44. Harta dalam kunci persendirian.
45. Pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah menjadi fidusiari jika memegang kunci persendirian pelanggan.

BAB 5

Penggantungan perakuan

46. Penggantungan perakuan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan.
47. Penggantungan perakuan oleh Pengawal atau mahkamah.
48. Notis penggantungan.
49. Penamatan penggantungan yang dimulakan dengan permintaan.
50. Prosedur kontraktual silih ganti.

4 *Rang Undang-Undang*

Fasal

51. Larangan terhadap permintaan palsu atau tanpa kuasa bagi penggantungan perakuan.
52. Kesan penggantungan perakuan.

BAB 6

Pembatalan perakuan

53. Pembatalan atas permintaan.
54. Pembatalan atas demis pelanggan.
55. Pembatalan perakuan yang tidak boleh dipercayai.
56. Notis pembatalan.
57. Kesan permintaan pembatalan atas pelanggan.
58. Kesan pemberitahuan atas pihak berkuasa pemerakuan berlesen.

BAB 7

Habisnya tempoh perakuan

59. Habisnya tempoh perakuan.

BAB 8

Had pergantungan yang disyorkan dan liabiliti

60. Had pergantungan yang disyorkan.
61. Had liabiliti bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen.

BAHAGIAN V

KESAN TANDATANGAN DIGITAL

62. Kepuasan kehendak tandatangan.
63. Tandatangan digital yang tidak boleh dipercayai.
64. Dokumen yang ditandatangani secara digital disifatkan sebagai dokumen bertulis.
65. Dokumen yang ditandatangani secara digital disifatkan sebagai dokumen asal.
66. Pengesahan tandatangan digital.
67. Anggapan dalam menghakimi pertikaian.

BAHAGIAN VI

REPOSITORI DAN PERKHIDMATAN PENANDA TARikh/MASA

Fasal

68. Pengiktirafan repositori.
69. Liabiliti repositori.
70. Pengiktirafan perkhidmatan penanda tarikh/masa.

BAHAGIAN VII

AM

71. Larangan terhadap aktiviti merbahaya.
72. Kewajipan kerahsiaan.
73. Maklumat palsu.
74. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
75. Pegawai diberikuasa.
76. Kuasa untuk menyiasat.
77. Penggeledahan dengan waran.
78. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran.
79. Akses kepada data berkomputer.
80. Senarai benda disita.
81. Halangan pegawai diberikuasa.
82. Kuasa tambahan.
83. Penalty am.
84. Mendapatkan kos prosedural.
85. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh diperdapatkan.
86. Permulaan dan penjalanan pendakwaan.
87. Bidang kuasa membicarakan kesalahan.
88. Perlindungan pegawai.
89. Kuasa untuk mengecualikan.
90. Batasan atas penolakan atau penghadan pemakaian Akta.
91. Peraturan-peraturan.
92. Kecualian dan peralihan.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai, dan untuk mengawalselia penggunaan, tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tandatangan Digital Tajuk 1997 dan hendaklah mulaberkuatkuasa pada tarikh yang ringkas dan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam kuasa mulaber Warta, dan Menteri boleh menetapkannya pada tarikh yang berlainan kuasa bagi peruntukan yang berlainan Akta ini.
2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran, menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuklah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"berpadanan", berkenaan dengan kunci, ertiya daripada pasangan kunci yang sama;

"ditetapkan" ertiya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"had pergantungan yang disyorkan" ertinya jumlah wang yang disyorkan bagi pergantungan pada sesuatu perakuan di bawah seksyen 60;

"kunci awam" ertinya kunci sesuatu pasangan kunci yang digunakan untuk mengesahbetulkan sesuatu tandatangan digital;

"kunci persendirian" ertinya kunci sesuatu pasangan kunci yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu tandatangan digital;

"memalsukan tandatangan digital" ertinya—

- (a) untuk menghasilkan suatu tandatangan digital tanpa kebenaran pemegang sah kunci persendirian itu; atau
- (b) untuk menghasilkan suatu tandatangan digital yang boleh disahbetulkan oleh suatu perakuan yang menyenaraikan sebagai pelanggan seseorang yang sama ada tidak wujud atau tidak memegang kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan itu;

"membatalkan perakuan" ertinya untuk menjadikan sesuatu perakuan tak berkesan selama-lamanya dari suatu masa yang dinyatakan ke hadapan;

"memberitahu" ertinya untuk memaklumkan sesuatu fakta kepada seorang yang lain mengikut cara yang di bawah hal keadaan itu adalah berkemungkinan secara munasabah untuk menyampaikan pengetahuan mengenai maklumat itu kepada orang lain itu;

"memegang kunci persendirian" ertinya supaya boleh menggunakan suatu kunci persendirian;

"memegang kunci persendirian secara sah" ertinya supaya boleh menggunakan suatu kunci persendirian—

- (a) yang pemegang itu atau ejen pemegang itu tidak mendedahkan kepada mana-mana orang dengan melanggar Akta ini; dan

- (b) yang pemegang itu tidak memperoleh melalui pencurian, perdayaan, pemasangan telinga atau cara lain yang menyalahi undang-undang;

"memperakui" ertinya untuk mengisyiharkan berkenaan dengan sesuatu perakuan, dengan peluang yang lebih daripada cukup untuk menimbangkan, dan dengan kewajipan untuk memaklumkan diri mengenai segala fakta material;

"menerima perakuan" ertinya—

- (a) untuk menunjukkan persetujuan kepada sesuatu perakuan, apabila mengetahui atau mempunyai notis mengenai kandungannya; atau
- (b) untuk memohon kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen bagi suatu perakuan, tanpa membatalkan permohonan itu dengan menghantar serahkan notis pembatalan kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu, dan memperoleh resit bertulis yang ditandatangani daripada pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu, jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu kemudiannya mengeluarkan suatu perakuan berdasarkan permohonan itu;

"mengeluarkan perakuan" ertinya tindakan pihak berkuasa pemerakuan dalam menghasilkan suatu perakuan dan memberitahu pelanggan yang disenaraikan dalam perakuan itu mengenai kandungan perakuan itu;

"mengesahbetulkan tandatangan digital" ertinya, berhubungan dengan sesuatu tandatangan digital, mesej dan kunci awam tertentu, untuk menentukan dengan tepat bahawa—

- (a) tandatangan digital itu dihasilkan oleh kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam itu; dan
- (b) mesej itu tidak diubah sejak tandatangan digitalnya dihasilkan;

"mengesahkan" ertinya untuk menentukan melalui pertanyaan dan penyiasatan yang tekun;

"menggabungkan secara rujukan" ertinya untuk menjadikan satu mesej sebahagian daripada suatu mesej yang lain dengan mengenal pasti mesej yang hendak digabungkan dan menyatakan niat bahawa ia digabungkan;

"menggantung perakuan" ertinya untuk menjadikan sesuatu perakuan tak berkesan untuk sementara bagi suatu masa yang dinyatakan ke hadapan;

"menyiarkan" ertinya untuk merekodkan atau memfailkan dalam suatu repositori;

"mesej" ertinya suatu pernyataan digital maklumat;

"orang" ertinya orang sebenar atau kumpulan orang, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, yang berkebolehan menandatangani suatu dokumen, sama ada di sisi undang-undang atau sebagai perkara fakta;

"pasangan kunci" ertinya kunci persendirian dan kunci awam yang berpadanan dengannya dalam suatu sistem kripto tak simetri, yang kunci awam itu boleh mengesahbetulkan suatu tandatangan digital yang dihasilkan oleh kunci persendirian itu;

"pegawai diberikuasa" ertinya seseorang pegawai yang diberikuasa di bawah seksyen 75;

"pelanggan" ertinya seseorang yang—

- (a) merupakan subjek yang disenaraikan dalam sesuatu perakuan;
- (b) menerima perakuan itu; dan
- (c) memegang kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan itu;

Tandatangan Digital

"penanda masa" ertinya—

- (a) untuk menambahkan atau menggabungkan kepada sesuatu mesej, tandatangan digital atau perakuan suatu catatan yang ditandatangani secara digital yang menyatakan sekurang-kurangnya tarikh, masa dan identiti orang yang menambahkan atau menggabungkan catatan itu; atau
- (b) catatan yang ditambahkan atau digabungkan sedemikian;

"penerima" ertinya seseorang yang menerima atau mempunyai suatu tandatangan digital dan berada dalam kedudukan untuk bergantung padanya;

"Pengawal" ertinya Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan yang dilantik di bawah seksyen 3;

"perakuan" ertinya suatu rekod berasas komputer yang—

- (a) mengenal pasti pihak berkuasa pemerakuan yang mengeluarkannya;
- (b) menamakan atau mengenal pasti pelanggannya;
- (c) mengandungi kunci awam pelanggan itu; dan
- (d) ditandatangani secara digital oleh pihak berkuasa pemerakuan yang mengeluarkannya;

"perakuan sah" ertinya suatu perakuan yang—

- (a) dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen;
- (b) diterima oleh pelanggan yang disenaraikan di dalamnya;
- (c) tidak dibatalkan atau digantung; dan
- (d) tidak habisnya tempoh:

Dengan syarat bahawa suatu perakuan transaksi merupakan suatu perakuan sah hanya berhubungan dengan tandatangan digital yang digabungkan dalamnya secara rujukan;

Rang Undang-Undang

"perakuan transaksi" ertinya suatu perakuan, yang menggabungkan secara rujukan satu atau lebih tandatangan digital, yang dikeluarkan dan sah untuk suatu transaksi spesifik;

"perkhidmatan penanda tarikh/masa diiktiraf" ertinya sesuatu perkhidmatan penanda tarikh/masa yang diiktiraf oleh Pengawal di bawah seksyen 70;

"pernyataan amalan pemerakuan" ertinya suatu perisyiharan amalan yang digunakan oleh sesuatu pihak berkuasa pemerakuan dalam mengeluarkan perakuan secara am, atau yang telah digunakan dalam mengeluarkan suatu perakuan tertentu;

"pihak berkuasa pemerakuan" ertinya seseorang yang mengeluarkan perakuan;

"pihak berkuasa pemerakuan berlesen" ertinya sesuatu pihak berkuasa pemerakuan yang kepadanya suatu lesen telah dikeluarkan oleh Pengawal dan yang lesennya sedang berkuatkuasa;

"pihak berkuasa pemerakuan yang layak" ertinya sesuatu pihak berkuasa pemerakuan yang memenuhi kehendak di bawah seksyen 5;

"rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan" ertinya suatu rekod dalam talian dan yang boleh capai awam yang berkenaan dengan sesuatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang disimpan oleh Pengawal di bawah subseksyen 3(5);

"repositori" ertinya suatu sistem untuk menstor dan mendapat semula perakuan dan maklumat lain yang relevan kepada tandatangan digital;

"repositori diiktiraf" ertinya sesuatu repositori yang diiktiraf oleh Pengawal di bawah seksyen 68;

"sistem boleh dipercayai" ertinya perkakasan dan perisian komputer yang—

- (a) dengan munasabahnya selamat daripada penerobosan dan salah guna;
- (b) memperuntukkan aras kebolehsediaan, kebolehpercayaan dan pengendalian yang betul yang munasabah; dan
- (c) dengan munasabahnya sesuai bagi melaksanakan fungsinya yang diniatkan;

"sistem kripto tak simetri" ertinya suatu algoritma atau siri algoritma yang memberikan suatu pasangan kunci yang selamat;

"tandatangan digital" ertinya penjelmaan sesuatu mesej dengan menggunakan suatu sistem kripto tak simetri dengan sedemikian yang seseorang yang mempunyai mesej awal itu dan kunci awam penandatangan boleh menentukan dengan tepat—

- (a) sama ada penjelmaan itu telah dihasilkan dengan menggunakan kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam penandatangan itu; dan
- (b) sama ada mesej itu telah diubah sejak penjelmaan itu dibuat;

"tulisan" atau "bertulis" termasuklah apa-apa tulisan tangan, tulisan taip, pencetakan, storan atau penghantaran elektronik, atau apa-apa cara merekodkan maklumat atau merakamkan maklumat dalam bentuk yang boleh dikekalkan yang lain.

(2) Bagi maksud Akta ini, suatu perakuan hendaklah dibatalkan dengan membuat suatu catatan bahawa ia dibatalkan pada perakuan itu atau dengan memasukkan perakuan itu dalam suatu set perakuan yang dibatalkan.

(3) Pembatalan suatu perakuan tidak bermakna bahawa perakuan itu adalah dimusnahkan atau dijadikan tidak dapat dibaca.

BAHAGIAN II

PENGAWAL PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN DAN PELESENAN PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN

- Pelantikan pengawai.
3. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Pengawal pihak Berkuasa Pemerakuan bagi maksud Akta ini, khususnya bagi maksud mengawasi dan menyelia aktiviti pihak berkuasa pemerakuan.
- (2) Pengawal hendaklah menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan kepada Pengawal di bawah Akta ini.
- (3) Pengawal boleh, setelah berunding dengan Menteri, melantik sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat yang difikirkan perlu oleh Pengawal untuk menjalankan dan melaksanakan segala atau mana-mana kuasa dan kewajipan Pengawal di bawah Akta ini kecuali kuasa yang diwakilkan kepada Pengawal di bawah subseksyen 4(4).
- (4) Pengawal dan semua pegawai dan pengkhidmat yang dilantik oleh Pengawal di bawah subseksyen (3) hendaklah menjalankan kuasanya di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa arahan tentang dasar am dan perintah yang diberikan atau dibuat oleh Menteri.
- (5) Pengawal hendaklah menyenggarakan suatu pangkalan data boleh capai awam yang mengandungi rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan bagi setiap pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang hendaklah mengandungi segala butir-butir yang dikehendaki di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
- (6) Pengawal hendaklah menyiarkan kandungan pangkalan data itu dalam sekurang-kurangnya satu repositori diiktiraf.
- pihak berkuasa pemerakuan hendaklah dilesenkan
4. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengendalikan, atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan, sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan melainkan jika orang itu memegang suatu lesen sah dikeluarkan di bawah Akta ini.

Tandatangan Digital

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan boleh sebagai tambahan didenda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(3) Menteri boleh, apabila dibuat suatu permohonan secara bertulis mengikut Akta ini, mengecualikan—

- (a) seseorang yang beroperasi sebagai pihak berkuasa pemerakuan dalam sesuatu organisasi jika perakuan dan pasangan kunci dikeluarkan kepada anggota organisasi itu untuk kegunaan dalaman sahaja; dan
- (b) mana-mana orang atau golongan orang lain yang difikirkan patut oleh Menteri,

daripada kehendak seksyen ini.

(4) Menteri boleh mewakilkan kuasanya di bawah subseksyen (3) kepada Pengawal dan kuasa itu bolehlah dijalankan oleh Pengawal atas nama dan bagi pihak Menteri.

(5) Pewakilan di bawah subseksyen (4) tidaklah menghalang Menteri sendiri daripada menjalankan kuasa yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

(6) Had liabiliti yang dinyatakan dalam Bab 8 Bahagian IV tidak terpakai bagi pihak berkuasa pemerakuan yang dikecualikan dan Bahagian V tidak terpakai berhubungan dengan tandatahgan digital yang disahbetulkan oleh perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan yang dikecualikan.

5. (1) Menteri hendaklah, melalui peraturan-peraturan Kelayakan yang dibuat di bawah Akta ini, menetapkan kehendak pihak kelayakan bagi pihak berkuasa pemerakuan.berkuasa

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa mengubah atau meminda kehendak kelayakan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan syarat bahawa apa-apa perubahan atau pindaan sedemikian tidak boleh terpakai bagi pihak berkuasa pemerakuan yang memegang lesen sah di bawah Akta ini sehingga lesen itu habisnya tempoh.

Fungsi pihak berkuasa pemerakuan berlesen.

6. (1) Fungsi pihak berkuasa pemerakuan berlesen adalah untuk mengeluarkan perakuan kepada pelanggan apabila dipohon dan apabila kehendak pihak berkuasa pemerakuan berlesen tentang identiti pelanggan yang hendak disenaraikan dalam perakuan dipuaskan dan apabila dibayar fee dan caj yang ditetapkan.

(2) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah, sebelum mengeluarkan mana-mana perakuan di bawah Akta ini, mengambil segala langkah munasabah untuk memeriksa bagi pengenalpastian sewajarnya pelanggan yang hendak disenaraikan dalam perakuan.

(3) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah, apabila mana-mana perakuan dikeluarkan di bawah Akta ini, menyebabkan supaya permohonan bagi perakuan itu diperakui oleh notari awam yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta Notari Awam 1959.

Akta 115.

Permohonan bagi mendapatkan lesen.

7. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Akta ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengawal dalam borang yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan dan Pengawal boleh, secara lisan atau bertulis pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum permohonan itu ditentukan, menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengawal bagi maksud menentukan kesesuaian pemohon untuk lesen itu.

Tandatangan Digital

- (3) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam kehendak itu atau apa-apa pelanjutannya yang diberikan oleh Pengawal, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidaklah boleh diteruskan lagi, tanpa menjejaskan permohonan baru dibuat oleh pemohon.
8. (1) Pengawal hendaklah, apabila permohonan dibuat Pemberian dengan sejarnya mengikut seksyen 7 dan selepas diberi atau segala dokument dan maklumat yang dikehendakinya, keenggan menimbangkan permohonan itu, dan jika dia berpuas hati memberi bahawa pemohonialah suatu pihak berkuasa pemerakuan lesen yang layak dan pemegang lesen yang sesuai, dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, memberikan lesen dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan lesen.
- (2) Tiap-tiap lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan jangka masa lesen dan nombor lesen.
- (3) Terma dan syarat yang dikenakan di bawah lesen boleh diubah atau dipinda oleh Pengawal pada bila-bila masa dengan syarat bahawa pemegang lesen diberi peluang yang munasabah untuk didengar.
- (4) Jika Pengawal enggan memberikan lesen, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keengganannya itu.
9. (1) Pengawal boleh membatalkan sesuatu lesen yang Pembatalan diberikan di bawah seksyen 8 jika dia berpuas hati bahwa — lesen
- (a) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu tidak mematuhi mana-mana obligasi yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini;
 - (b) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah lesen, mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tidak kira bahawa tiada pendakwaan telah dibawa bagi sesuatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran sedemikian;

- (c) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan bagi mendapatkan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen itu, memberi Pengawal maklumat yang palsu, mengelirukan atau tak tepat atau dokumen atau perisytiharan yang dibuat oleh atau bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu yang palsu, mengelirukan atau tak tepat;
- (d) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudaratkan kepentingan awam atau ekonomi negara;
- (e) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabilitinya;
- (f) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu atau suatu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;
- (g) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu atau mana-mana pegawaiannya yang memegang jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, fraud atau keburukan akhlak;
- (h) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu atau pengarah, pengawal atau pengurusnya telah disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (i) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu terhenti menjadi pihak berkuasa pemerakuan yang layak.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pengawal hendaklah memberi pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan menghendaki pihak berkuasa pemerakuan berlesen

itu menunjukkan sebab dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu mengapa lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pengawal memutuskan untuk membatalkan lesen itu, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pihak berkuasa pemerakuan berkenaan secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan sesuatu lesen hendaklah mula berkuatkuasa—

- (a) jika tiada rayuan dibuat terhadap pembatalan itu, apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu; atau
- (b) jika terdapat rayuan terhadap pembatalan itu, apabila pembatalan itu disahkan oleh Menteri.

(5) Jika suatu rayuan telah dibuat terhadap pembatalan sesuatu lesen, pihak berkuasa pemerakuan yang lesennya telah dibatalkan sedemikian tidak boleh mengeluarkan apa-apa perakuan sehinggalah rayuan itu dibereskan dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Menteri tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh mencegah pihak berkuasa pemerakuan itu daripada memenuhi obligasinya yang lain kepada pelanggannya dalam tempoh itu.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(7) Jika pembatalan sesuatu lesen telah mula berkuatkuasa, Pengawal hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyebabkan supaya pembatalan itu disiarkan dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan yang disenggarakan olehnya bagi pihak berkuasa pemerakuan yang berkenaan dan diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian kebangsaan bahasa Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(8) Apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk menyiarkan atau mengiklankan notis pembatalan itu tidaklah dengan apa-apa jua cara menyentuh kesahan pembatalan itu.

Rayuan. 10. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

- (a) keengganan Pengawal untuk melesenkan mana-mana pihak berkuasa pemerakuan di bawah seksyen 8 atau memperbaharui mana-mana lesen sedemikian di bawah seksyen 17; atau
- (b) pembatalan mana-mana lesen di bawah seksyen 9,

boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganan atau pembatalan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

Penyerahan balik lesen.

11. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh menyerahkan balik lesennya dengan mengemukakan lesen itu kepada Pengawal berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan baliknya.

(2) Penyerahan balik itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh Pengawal menerima lesen itu dan notis di bawah subseksyen (1), atau jika suatu tarikh yang lebih lewat dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh itu.

(3) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah, tidak lewat dari empat belas hari selepas tarikh yang disebut dalam subseksyen (2), menyebabkan supaya penyerahan balik itu disiarkan dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan pihak berkuasa pemerakuan yang berkenaan dan diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian kebangsaan bahasa Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

12. (1) Jika pembatalan sesuatu lesen di bawah seksyen 9 atau penyerahan baliknya di bawah seksyen 11 telah mula berkuatkuasa, atau jika lesen itu telah habisnya tempoh, maka pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah dengan serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan.

Kesan
pembatalan,
penyerahan
balik atau
habisnya
tempoh
lesen.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, atas syor Pengawal, membenarkan secara bertulis pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu menjalankan perniagaannya selama suatu jangkamasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud penggulungan hal-ehwalnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang lesennya telah habisnya tempoh adalah berhak menjalankan perniagaannya seolah-olah lesennya tidak habisnya tempoh apabila bukti dikemukakan kepada Pengawal bahawa pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah memohon bagi pembaharuan lesen itu dan bahawa permohonan itu sedang menunggu penentuan.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan boleh sebagai tambahan didenda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(5) Tanpa menjaskan kuasa Pengawal di bawah seksyen 33, pembatalan lesen di bawah seksyen 9 atau penyerahan baliknya di bawah seksyen 11 atau habisnya tempohnya tidak boleh menyentuh kesahan atau kesan mana-mana perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berkenaan sebelum pembatalan, penyerahan balik atau habisnya tempoh itu.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), Pengawal hendaklah melantik suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen lain untuk mengambil alih perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan yang lesennya telah dibatalkan atau diserahkan balik atau telah habisnya tempoh dan perakuan sedemikian hendaklah, setakat yang ia mematuhi kehendak pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang dilantik, disifatkan sebagai dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu.

(7) Tiada apa-apa juga dalam subseksyen (6) boleh menghalang pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang dilantik daripada menghendaki pelanggan itu mematuhi kehendaknya berhubungan dengan pengeluaran perakuan atau daripada mengeluarkan suatu perakuan baru kepada pelanggan itu bagi tempoh yang belum habis perakuan asal dengan syarat bahawa apa-apa fee atau caj tambahan yang hendak dikenakan hendaklah hanya dikenakan dengan kebenaran bertulis terdahulu Pengawal.

(8) Jika Pengawal telah melantik suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen untuk mengambil alih perakuan sesuatu pihak berkuasa pemerakuan di bawah subseksyen (6), pihak berkuasa pemerakuan itu hendaklah membayar kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang dilantik itu apa-apa bahagian fee yang ditetapkan yang dibayar oleh pelanggan kepadanya sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal.

Kesan keliadaaan lesen.

13. (1) Had liabiliti yang dinyatakan dalam Bab 8 Bahagian IV tidak terpakai bagi pihak berkuasa pemerakuan tak berlesen.

(2) Bahagian V tidak terpakai berhubungan dengan sesuatu tandatangan digital yang tidak dapat disahbetulkan oleh suatu perakuan yang dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen.

(3) Dalam mana-mana hal lain, melainkan jika pihak-pihak itu memperuntukkan selainnya secara nyata melalui kontrak antara mereka sendiri, kehendak pelesenan di bawah Akta ini tidak menyentuh keberkesanan, kuatkuasa atau kesahan mana-mana tandatangan digital.

14. (1) Jika pembatalan lesen di bawah seksyen 9 telah mula berkuatkuasa, atau jika lesen itu telah habisnya tempoh dan tiada permohonan untuk pembaharuanya dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan atau jika permohonan untuk pembaharuan telah ditolak di bawah seksyen 17, maka pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen itu kepada Pengawal.

Pengembalian
lesen.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan boleh sebagai tambahan didenda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan, dan mahkamah hendaklah memegangsimpan lesen itu dan mengemukakannya kepada Pengawal.

15. (1) Pengawal boleh mengelaskan lesen mengikut Lesen terhad. batasan yang dinyatakan termasuk—

- (a) bilangan maksimum perakuan belum selesai;
- (b) maksimum kumulatif had pergantungan yang disyorkan dalam perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen; dan
- (c) pengeluaran hanya dalam satu firma atau organisasi.

(2) Pengawal boleh mengeluarkan lesen yang dihadkan mengikut batasan setiap pengelasan.

(3) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan perakuan melebihi sekatan lesennya adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Jika sesuatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen mengeluarkan perakuan melebihi sekatan lesennya, had liabiliti yang dinyatakan dalam Bab 8 Bahagian IV tidak terpakai bagi pihak-berkuasa pemerakuan berlesen itu berhubungan dengan perakuan itu.

Rang Undang-Undang

(5) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (3) atau (4) boleh menyentuh kesahan atau kesan perakuan yang dikeluarkan itu.

sekatan penggunaan ungkapan berkuasa pemerakuan". 16. Kecuali dengan keizinan bertulis Pengawal, tiada seorang pun, yang bukannya suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen, boleh memakai atau menggunakan ungkapan "pihak berkuasa pemerakuan" atau "pihak berkuasa pemerakuan berlesen", mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa terbitan daripada ungkapan ini dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan atau pengendalian perniagaan sedemikian, berhubungan dengan perniagaan atau mana-mana bahagian perniagaan yang dijalankan oleh orang itu, atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam apa-apa kepala bil, surat, kertas, notis, iklan atau dengan apa-apa cara lain.

Pembaharuan 17. (1) Tiap-tiap pihak berkuasa pemerakuan berlesen lesenhendaklammengemukakanpermohonankepadaPengawal dalam borang yang ditetapkan untuk pembaharuan lesennya sekurang-kurangnya tiga puluh, tetapi tidak lebih daripada enam puluh, hari sebelum tarikh habisnya tempoh lesen itu dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengawal.

(2) Fee yang ditetapkan hendaklah kena dibayar apabila permohonan itu diluluskan.

(3) Jika mana-mana pihak berkuasa pemerakuan berlesen tidak mempunyai niat untuk memperbaharui lesennya, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah, sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum habisnya tempoh lesen itu, menyiarkan niat itu dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan pihak berkuasa pemerakuan yang berkenaan dan mengiklankan niat itu dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian kebangsaan bahasa Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(4) Tanpa menjelaskan apa-apa alasan lain, Pengawal boleh enggan memperbaharui sesuatu lesen jika kehendak subseksyen (1) tidak dipatuhi.

18. (1) Jika suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen telah hilang lesennya, ia hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengawal secara bertulis mengenai kehilangan itu. Lesen hilang.

(2) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengemukakan suatu permohonan untuk lesen gantian dengan disertakan segala maklumat dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengawal bersama dengan fee yang ditetapkan.

19. (1) Pengawal boleh mengiktiraf, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, pihak berkuasa pemerakuan yang dilesenkan atau yang diberikuasa selainnya oleh entiti kerajaan di luar Malaysia yang memuaskan kehendak yang ditetapkan. Pengiktirafan lesen lain.

(2) Jika suatu lesen atau pemberikuasaan lain daripada sesuatu entiti kerajaan diiktiraf di bawah subseksyen (1),—

(a) had pergantungan yang disyorkan, jika ada, yang dinyatakan dalam perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan yang dilesenkan atau yang diberikuasa selainnya oleh entiti kerajaan itu hendaklah berkuatkuasa mengikut cara yang sama seperti had pergantungan yang disyorkan yang dinyatakan dalam perakuan yang dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen Malaysia; dan

(b) Bahagian V hendaklah terpakai bagi perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan yang dilesenkan atau yang diberikuasa selainnya oleh entiti kerajaan itu mengikut cara yang sama seperti ia terpakai bagi perakuan yang dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen Malaysia.

Audit prestasi.

20. (1) Pengendalian sesuatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah diaudit sekurang-kurangnya sekali dalam setahun untuk menilai pematuhanya dengan Akta ini.

(2) Audit itu hendaklah dijalankan oleh seorang akauntan awam diperakui yang mempunyai kepakaran dalam keselamatan komputer atau oleh seorang ahli profesional keselamatan komputer bertauliah.

(3) Kelayakan juruaudit dan prosedur bagi audit hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Pengawal hendaklah menyiaran dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan yang disenggarakan olehnya bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang berkenaan tarikh dan keputusan audit itu.

Pengecualian daripada audit prestasi.

21. (1) Pengawal boleh mengecualikan sesuatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen daripada kehendak seksyen 20 jika—

- (a) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu meminta secara bertulis untuk pengecualian;
- (b) audit prestasi terbaru, jika ada, ke atas pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu menghasilkan dapatan bahawa terdapat pematuhan penuh atau substansial dengan Akta ini; dan
- (c) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu mengisyiharkan dengan terikat dengan sumpah atau ikrar bahawa satu atau lebih daripada yang berikut adalah benar berkenaan dengan pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu:
 - (i) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah mengeluarkan kurang daripada enam perakuan sepanjang tahun yang lalu itu dan jumlah had pergantungan yang disyorkan bagi semua perakuan itu tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit;

- (ii) hayat agregat semua perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu sepanjang tahun yang lalu itu adalah kurang daripada tiga puluh hari dan jumlah had pergantungan yang disyorkan bagi semua perakuan itu tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit;
- (iii) had pergantungan yang disyorkan bagi semua perakuan yang belum selesai dan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu berjumlah kurang daripada dua ribu lima ratus ringgit.

(2) Jika pengisytiharan pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu di bawah perenggan (1)(c) menyatakan dengan palsu suatu fakta material, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah disifatkan sebagai tidak mematuhi kehendak audit prestasi di bawah seksyen 20.

(3) Jika suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen dikecualikan di bawah subseksyen (1), Pengawal hendaklah menyiarkan dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan yang disenggarakan olehnya bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang berkenaan suatu pernyataan bahawa pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu adalah dikecualikan daripada kehendak audit prestasi di bawah seksyen 20.

BAHAGIAN III

KEHENDAK KE ATAS PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN BERLESEN

22. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah hanya menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam lesennya. Aktiviti
pihak
berkuasa
pemerakuan
berlesen.
- (2) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah menjalankan aktivitinya mengikut Akta ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

- Kehendak untuk memperkenan lesen.
23. Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya pada suatu tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaannya.
- Kehendak untuk mengemukakan maklumat dan butir-butir yang berhubungan dengan kendalian perniagaan.
24. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah mengemukakan kepada Pengawal apa-apa maklumat dan butir-butir termasuk pernyataan kewangan, kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian teraudit yang berhubungan dengan keseluruhan kendalian perniagaannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengawal dalam apa-apa tempoh yang ditentukannya.
- (2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda harian tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.
- Pemberitahuan mengenai pertukaran maklumat.
25. (1) Tiap-tiap pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah, sebelum membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituenya, atau sebelum apa-apa pertukaran pengarah atau ketua pegawai eksekutifnya, memberi kepada Pengawal butir-butir secara bertulis mengenai apa-apa pindaan, perubahan atau pertukaran yang dicadangkan itu.
- (2) Tiap-tiap pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengawal mengenai apa-apa pindaan atau perubahan kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang telah diberikan kepada Pengawal berkaitan dengan lesen itu.
- Kehendak tentang pengiklanan.
26. Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen tidak boleh menyiarkan, sama ada dalam akhbar, risalah atau selainnya, apa-apa iklan atau maklumat yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan perniagaan sesuatu pihak berkuasa pemerakuan tanpa memasukkan—
- (a) nombor lesen;

- (b) nama perniagaan yang di bawahnya ia menjalankan perniagaan itu dan alamat di mana perniagaan itu dijalankan; dan
- (c) apa-apa butiran lain yang berhubungan dengan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengawal.

BAHAGIAN IV

KEWAJIPAN PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN BERLESEN DAN PELANGGAN

BAB 1

Kehendak am bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen

27. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah hanya menggunakan sistem boleh dipercayai—
Penggunaan sistem boleh dipercayai.
- (a) untuk mengeluarkan, menggantung atau membatalkan perakuan;
 - (b) untuk menyiarkan atau memberikan notis mengenai pengeluaran, penggantungan atau pembatalan perakuan; dan
 - (c) untuk menghasilkan kunci persendirian, sama ada bagi dirinya atau bagi pelanggan.
- (2) Seorang pelanggan hendaklah hanya menggunakan sistem boleh dipercayai untuk menghasilkan kunci persendirian.
28. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah, apabila suatu pertanyaan dibuat kepadanya di bawah Akta ini, menzahirkan apa-apa pernyataan amalan pemerakuan material dan apa-apa fakta yang material kepada sama ada kebolehpercayaan sesuatu perakuan yang telah dikeluarkan olehnya atau kemampuannya melaksanakan perkhidmatannya.
Penzahiran atas pertanyaan.

(2) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh menghendaki pertanyaan yang ditandatangani, bertulis dan dengan munasabahnya spesifik daripada orang yang dikenal pasti, serta pembayaran fee yang ditetapkan, sebagai syarat duluan kepada pembuatan sesuatu penzahiran yang dikehendaki di bawah subseksyen (1).

Prasyarat kepada pengeluaran perakuan kepada pelanggan.

29. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh mengeluarkan perakuan kepada pelanggan hanya selepas semua syarat yang berikut dipuaskan:

- (a) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah menerima permintaan untuk pengeluaran yang ditandatangani oleh pelanggan prospektif itu; dan
- (b) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah mengesahkan bahawa—
 - (i) pelanggan prospektif itu adalah orang yang hendak disenaraikan dalam perakuan yang hendak dikeluarkan;
 - (ii) jika pelanggan prpspektif itu bertindak melalui satu atau lebih ejen, pelanggan itu telah memberikuasa ejen atau ejen-ejen itu dengan sewajarnya untuk mempunyai jagaan kunci persendirian pelanggan itu dan untuk meminta pengeluaran suatu perakuan yang menyenaraikan kunci awam yang berpadanan itu;
 - (iii) maklumat dalam perakuan yang hendak dikeluarkan itu adalah tepat;
 - (iv) pelanggan prospektif itu memegang kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam yang hendak disenaraikan dalam perakuan itu secara sah;
 - (v) pelanggan prospektif itu memegang kunci persendirian yang boleh menghasilkan suatu tandatangan digital; dan

- (vi) kunci awam yang hendak disenaraikan dalam perakuan itu boleh digunakan untuk mengesahbetulkan tandatangan digital yang ditambah oleh kunci persendirian yang dipegang oleh pelanggan prospektif itu.

(2) Kehendak subseksyen (1) tidak boleh diketepikan atau ditolak oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen, pelanggan, atau kedua-duanya.

30. (1) Jika pelanggan menerima perakuan yang dikeluarkan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah menyiarkan suatu salinan perakuan itu yang ditandatangani dalam suatu repositori diiktiraf, sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu, melainkan jika suatu kontrak antara pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pelanggan itu memperuntukkan selainnya.

Penyiaran perakuan yang dikeluarkan dan diterima.

(2) Jika pelanggan tidak menerima perakuan itu, pihak berkuasa pemerakuan berlesen tidak boleh menyiarkannya, atau hendaklah membataalkan penyiarannya jika perakuan itu telah pun disiarkan.

31. Tiada apa-apa juga dalam seksyen 29 dan 30 boleh menghalang pihak berkuasa pemerakuan berlesen daripada mematuhi standard, pernyataan amalan pemerakuan, pelan keselamatan atau kehendak kontraktual yang lebih ketat daripada, tetapi namun begitu konsisten dengan, Akta ini.

Penerima-pakaian kehendak yang lebih ketat dibenarkan.

32. (1) Jika setelah mengeluarkan sesuatu perakuan pihak berkuasa pemerakuan berlesen mengesahkan bahawa ia tidak dikeluarkan mengikut seksyen 29 dan 30, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah dengan serta-merta membataalkannya.

Penggantungan atau pembatalan perakuan kerana pengeluaran tidak betul.

(2) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh menggantung sesuatu perakuan yang telah dikeluarkan olehnya bagi suatu tempoh munasabah yang tidak melebihi

empat puluh lapan jam sebagaimana yang perlu untuk membolehkan penyiasatan dijalankan untuk mengesahkan alasan bagi suatu pembatalan di bawah subseksyen (1).

(3) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu pelanggan itu mengenai pembatalan atau penggantungan di bawah seksyen ini.

Penggan-lungan atau pembatalan perakuan oleh perintah.

33. (1) Pengawal boleh memerintahkan pihak berkuasa pemerakuan berlesen untuk menggantung atau membatalkan sesuatu perakuan yang dikeluarkan olehnya jika Pengawal menentukan bahawa—

- (a) perakuan itu telah dikeluarkan tanpa mematuhi seksyen 29 dan 30; dan
- (b) ketakpatuhan itu menimbulkan risiko nyata kepada orang yang dengan munasabahnya bergantung pada perakuan itu.

(2) Sebelum membuat sesuatu penentuan di bawah subseksyen (1), Pengawal hendaklah memberi pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pelanggan itu peluang yang munasabah untuk didengar.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), jika pada pendapat Pengawal wujud sesuatu darurat yang menghendaki remedi serta-merta, Pengawal boleh, setelah berunding dengan Menteri, menggantung sesuatu perakuan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi empat puluh lapan jam.

BAB 2

Waranti dan obligasi pihak berkuasa pemerakuan berlesen

Waranti kepada pelanggan.

34. (1) Dengan mengeluarkan sesuatu perakuan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen mewarantikan kepada pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu bahawa—

- (a) perakuan itu tidak mengandungi apa-apa maklumat yang pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu tahu adalah palsu;

- (b) perakuan itu memuaskan segala kehendak Akta ini; dan
- (c) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu tidak melebihi apa-apa had lesennya dalam mengeluarkan perakuan itu.

(2) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen tidak boleh menolak atau menghadkan waranti di bawah subseksyen (1).

35. Melainkan jika pelanggan dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen bersetuju selainnya, suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen, dengan mengeluarkan suatu perakuan, berjanji kepada pelanggan itu—

- (a) untuk bertindak dengan segera untuk menggantung atau membatalkan sesuatu perakuan mengikut Bab 5 atau 6; dan
- (b) untuk memberitahu pelanggan itu dalam masa yang munasabah mengenai apa-apa fakta yang diketahui oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu yang nyata sekali menyentuh kesahan atau kebolehpercayaan perakuan itu selepas ia dikeluarkan.

36. Dengan mengeluarkan sesuatu perakuan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen memperakui kepada semua yang dengan munasabahnya bergantung pada maklumat yang terkandung dalam perakuan itu bahawa—

- (a) maklumat dalam perakuan itu dan yang disenaraikan sebagai disahkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu adalah tepat;
- (b) segala maklumat yang boleh diramalkan material kepada kebolehpercayaan perakuan itu adalah dinyatakan atau digabungkan secara rujukan dalam perakuan itu;
- (c) pelanggan itu telah menerima perakuan itu; dan
- (d) pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah mematuhi segala undang-undang terpakai yang mengawal pengeluaran perakuan itu.

Representasi atas penyiaran.

- 37.** Dengan menyiaran sesuatu perakuan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen memperakui kepada repositori yang dalamnya perakuan itu disiarkan dan kepada semua yang dengan munasabahnya bergantung pada maklumat yang terkandung dalam perakuan itu bahawa pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah mengeluarkan perakuan itu kepada pelanggan itu.

BAB 3

Representasi dan kewajipan atas penerimaan perakuan

Representasi tersirat oleh petangan.

- 38.** Dengan menerima sesuatu perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen, pelanggan yang disenaraikan dalam perakuan itu memperakui kepada semua yang dengan munasabahnya bergantung pada maklumat yang terkandung dalam perakuan itu bahawa—

- (a) pelanggan itu memegang kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan itu secara sah;
- (b) segala representasi yang dibuat oleh pelanggan itu kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan yang material kepada maklumat yang disenaraikan dalam perakuan itu adalah benar; dan
- (c) segala representasi material yang dibuat oleh pelanggan itu kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen atau yang dibuat dalam perakuan itu dan tidak disahkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu dalam mengeluarkan perakuan itu adalah benar.

Representasi oleh ejen pelanggan.

- 39.** Dengan meminta bagi pihak seorang prinsipal bagi pengeluaran suatu perakuan yang menamakan prinsipal itu sebagai pelanggan, orang yang meminta itu memperakui dalam hak orang itu sendiri kepada semua yang dengan munasabahnya bergantung pada maklumat yang terkandung dalam perakuan itu bahawa orang yang meminta itu—

- (a) memegang segala kuasa yang dikehendaki di sisi undang-undang untuk memohon bagi

- pengeluaran suatu perakuan yang menamakan prinsipal itu sebagai pelanggan; dan
- (b) mempunyai kuasa untuk menandatangani secara digital bagi pihak prinsipal itu, dan, jika kuasa itu terhad dalam apa-apa cara, perlindungan yang mencukupi wujud untuk mencegah sesuatu tandatangan digital melebihi batasan kuasa orang itu.

40. Tiada seorang pun boleh menolak atau menghadkan secara kontraktual pemakaian Bab ini, mahupun memperoleh tanggung rugi bagi kuatkuasanya, jika penolakan, batasan atau tanggung rugi itu menyekat liabiliti bagi salah nyata terhadap orang yang dengan munasabahnya bergantung pada perakuan itu.

Penolakan atau tanggung rugi terhad.

41. (1) Dengan menerima sesuatu perakuan, seseorang pelanggan mengakujanji untuk menanggung rugi pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh pengeluaran atau penyiaran perakuan itu dengan bergantung pada—

Penanggungan kerugian pihak berkuasa pemerakuan berlesen oleh pelanggan.

- (a) suatu representasi fakta yang palsu dan material oleh pelanggan itu; atau
- (b) kegagalan pelanggan untuk menzahirkan suatu fakta material,

jika representasi atau kegagalan untuk menzahirkan itu dibuat sama ada dengan niat untuk memperdaya pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu atau seseorang yang bergantung pada perakuan itu, atau dengan kecuaian.

(2) Jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu mengeluarkan perakuan itu atas permintaan satu atau lebih ejen pelanggan itu, ejen atau ejen-ejen itu mengakujanji sendiri untuk menanggung rugi pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu di bawah seksyen ini, seolah-olah mereka ialah pelanggan yang menerima dalam hak mereka sendiri.

(3) Tanggung rugi yang diperuntukkan dalam seksyen ini tidak boleh ditolak atau dihadkan skopnya secara kontraktual.

Pemerakuan ketepatan maklumat yang diberikan.

42. Dalam memperoleh maklumat mengenai pelanggan yang material kepada pengeluaran sesuatu perakuan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh menghendaki pelanggan itu memperakui ketepatan maklumat yang relevan dengan terikat dengan sumpah atau ikrar.

Kewajipan pelanggan untuk menyimpan kunci persendirian dengan selamat.

43. Dengan menerima sesuatu perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen, pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu menerima kewajipan untuk menjalankan jagaan yang munasabah untuk mengekalkan kawalan ke atas kunci persendirian dan mencegah pendedahannya kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa untuk menghasilkan tandatangan digital pelanggan itu.

Harta dalam kunci persendirian.

44. Suatu kunci persendirian merupakan harta persendirian pelanggan yang memegangnya secara sah.

Pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah menjadi fidusiari jika memegang kunci persendirian pelanggan.

45. Jika suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen memegang kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan yang dikeluarkannya, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah memegang kunci persendirian itu sebagai fidusiari pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu, dan boleh menggunakan kunci persendirian itu hanya dengan kebenaran bertulis terdahulu pelanggan itu, melainkan jika pelanggan itu secara nyata dan bertiulis memberikan kunci persendirian itu kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu dan secara nyata dan bertulis membenarkan pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu memegang kunci persendirian itu mengikut terma lain.

BAB 4

Kawalan ke atas kunci persendirian

BAB 5

Penggantungan perakuan

46. (1) Melainkan jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pelanggan bersetuju selainnya, pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan suatu perakuan, yang bukannya suatu perakuan transaksi, hendaklah menggantung perakuan itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi empat puluh lapan jam—

Penggan-tungan-perakuan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang menge-luarkan.

- (a) apabila diminta oleh seseorang yang mengenal pasti dirinya sebagai pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu, atau sebagai seorang yang berada dalam kedudukan yang berkemungkinan mengetahui mengenai kompromi keselamatan kunci persendirian pelanggan, seperti ejen, rakan perniagaan, pekerja atau anggota keluarga terdekat pelanggan itu; atau

(b) atas perintah Pengawal di bawah seksyen 33.

(2) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah mengambil langkah munasabah untuk memeriksa identiti atau perejenan orang yang meminta penggantungan.

47. (1) Melainkan jika perakuan itu memperuntukkan selainnya atau perakuan itu ialah suatu perakuan transaksi, Pengawal atau mahkamah boleh menggantung perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen bagi suatu tempoh selama empat puluh lapan jam, jika—

Penggan-tungan-perakuan oleh Pengawal atau mahkamah.

- (a) seseorang yang mengenal pasti dirinya sebagai pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu atau sebagai ejen, rakan perniagaan, pekerja atau anggota keluarga terdekat pelanggan meminta penggantungan; dan
- (b) peminta membuat representasi bahawa pihak berkuasa pemerakuan berlesen- yang mengeluarkan perakuan itu tidak ada.

(2) Pengawal atau mahkamah boleh menghendaki orang yang meminta penggantungan mengadakan keterangan, termasuk suatu pernyataan dengan terikat dengan sumpah atau ikrar berkenaan dengan identiti dan kuasanya, serta tidak adanya pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan, dan boleh enggan menggantung perakuan itu mengikut budi bicaranya.

(3) Pengawal atau agensi penguatkuasaan undang-undang lain boleh menyiasat penggantungan oleh Pengawal atau mahkamah bagi kemungkinan kesalahan oleh orang yang meminta penggantungan.

Notis penggantungan.

48. (1) Dengan serta-merta selepas penggantungan sesuatu perakuan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah menyiarkan suatu notis yang ditandatangani mengenai penggantungan itu dalam repositori yang dinyatakan dalam perakuan itu bagi penyiaran notis penggantungan.

(2) Jika satu atau lebih repositori dinyatakan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah menyiarkan notis yang ditandatangani mengenai penggantungan itu dalam semua repositori itu.

(3) Jika mana-mana repositori yang dinyatakan tidak lagi wujud atau enggan menerima penyiaran, atau jika tiada repositori sedemikian diiktiraf di bawah seksyen 68, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah juga menyiarkan notis itu dalam suatu repositori diiktiraf.

(4) Jika suatu perakuan digantung oleh Pengawal atau mahkamah, Pengawal atau mahkamah hendaklah memberikan notis sebagaimana yang dikehendaki dalam seksyen ini bagi pihak berkuasa pemerakuan berlesen dengan syarat bahawa orang yang meminta penggantungan membayar terdahulu apa-apa fee yang ditetapkan yang dikehendaki oleh repositori untuk menyiarkan notis penggantungan itu.

- 49.** Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah menamatkan penggantungan yang dimulakan dengan permintaan—
(a) jika pelanggan yang dinamakan dalam perakuan yang digantung meminta penamatkan penggantungan itu, hanya jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah mengesahkan bahawa orang yang meminta penggantungan ialah pelanggan itu atau ejen pelanggan itu yang diberikuasa menamatkan penggantungan itu; atau
(b) jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu mendapati dan mengesahkan bahawa permintaan bagi penggantungan itu telah dibuat tanpa kuasa daripada pelanggan itu.
- 50.** (1) Suatu kontrak antara pelanggan dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh menghadkan atau menghalang penggantungan atas permintaan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu atau boleh memperuntukkan selainnya bagi penamatkan suatu penggantungan atas permintaan.
(2) Jika kontrak itu menghadkan atau menghalang penggantungan oleh Pengawal atau mahkamah apabila pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan tidak ada, had atau halangan itu hendaklah berkuatkuasa hanya jika notis mengenainya disiarkan dalam perakuan.
- 51.** Tiada seorang pun boleh dengan disedari atau dengan sengaja membuat salah nyata kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen mengenai identiti atau kuasanya apabila meminta penggantungan sesuatu perakuan.
- 52.** Tiada apa-apa jua dalam Bab ini boleh melepaskan pelanggan daripada kewajipan di bawah seksyen 43 untuk menyimpan kunci persendirian dengan selamat semasa perakuan digantung.

Penamatkan penggantungan yang dimulakan dengan permintaan.

Prosedur kontraktual silih ganti.

Larangan terhadap permintaan palsu atau tanpa kuasa bagi penggantungan perakuan.

Kesan penggantungan perakuan.

BAB 6

Pembatalan perakuan

Pembatalan atas permintaan.

53. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah membatalkan sesuatu perakuan yang dikeluarkan olehnya tetapi yang bukan suatu perakuan transaksi,—

- (a) apabila menerima permintaan untuk membatalkan daripada pelanggan yang dinamakan dalam perakuan itu; dan
- (b) apabila mengesahkan bahawa orang yang meminta pembatalan ialah pelanggan itu atau ialah ejen pelanggan itu yang mempunyai kuasa untuk meminta pembatalan itu.

(2) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah mengesahkan sesuatu permintaan untuk pembatalan dan membatalkan perakuan dalam satu hari perniagaan selepas menerima kedua-dua permintaan bertulis pelanggan dan keterangan yang dengan munasabahnya mencukupi untuk mengesahkan identiti orang yang meminta pembatalan itu atau ejen itu.

Pembatalan atas demis pelanggan.

54. Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah membatalkan sesuatu perakuan yang dikeluarkan olehnya—

- (a) apabila menerima suatu salinan terperaku sijil kematian pelanggan itu atau apabila disahkan melalui keterangan lain bahawa pelanggan itu telah mati; atau
- (b) apabila diserahkan dokumen yang melaksanakan pembubaran pelanggan atau apabila disahkan melalui keterangan lain bahawa pelanggan itu telah dibubarkan atau tidak lagi wujud.

Pembatalan perakuan yang tidak boleh dipercayai.

55. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh membatalkan satu atau lebih perakuan yang dikeluarkan olehnya jika perakuan itu adalah atau menjadi tidak boleh dipercayai tidak kira sama ada pelanggan bersetuju kepada pembatalan itu dan walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam kontrak antara pelanggan itu dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh mencegah pelanggan daripada mendapatkan ganti rugi atau relif lain daripada pihak berkuasa pemerakuan berlesen dalam hal pembatalan salah.

56. (1) Dengan serta-merta atas pembatalan sesuatu perakuan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah menyiaran suatu notis yang ditandatangani mengenai pembatalan itu dalam repositori yang dinyatakan dalam perakuan itu bagi penyiaran notis pembatalan. Notis pembatalan.

(2) Jika satu atau lebih repositori dinyatakan, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah menyiaran notis yang ditandatangani mengenai pembatalan itu dalam semua repositori itu.

(3) Jika mana-mana repositori yang dinyatakan tidak lagi wujud atau enggan menerima penyiaran, atau jika tiada repositori itu diiktiraf di bawah seksyen 68, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah juga menyiaran notis itu dalam suatu repositori diiktiraf.

57. Jika pelanggan telah meminta pembatalan perakuan, pelanggan itu terhenti memperakui sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 3 dan tidak mempunyai apa-apa kewajipan lanjut untuk menyimpan kunci persendirian dengan selamat sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 43—.

Kesan permintaan pembatalan atas pelanggan.

(a) apabila notis mengenai pembatalan itu disiarkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 56; atau

(b) setelah dua hari perniagaan telah berlalu selepas pelanggan itu meminta pembatalan itu secara bertulis, mengemukakan kepada pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan maklumat yang dengan munasabahnya mencukupi untuk mengesahkan permintaan itu, dan membayar apa-apa fee yang ditetapkan,

mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

Kesan pem-beritahuan atas pihak berkuasa pemerakuan berlesen.

- 58.** Atas pemberitahuan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 56, pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah dilepaskan daripada warantinya yang berdasarkan pengeluaran perakuan yang dibatalkan itu dan terhenti memperakui sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 35 dan 36 berhubungan dengan perakuan yang dibatalkan itu.

BAB 7

Habisnya tempoh perakuan

Habisnya tempoh perakuan.

- 59.** (1) Tarikh habisnya tempoh perakuan hendaklah dinyatakan dalam perakuan.
- (2) Suatu perakuan boleh dikeluarkan bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun dari tarikh pengeluaran.
- (3) Apabila perakuan habisnya tempoh, pelanggan dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah terhenti memperakui sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah dilepaskan daripada kewajipannya yang berdasarkan pengeluaran berhubungan dengan perakuan yang habisnya tempoh itu.
- (4) Habisnya tempoh sesuatu perakuan tidak boleh menyentuh kewajipan dan obligasi pelanggan dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang ditanggung di bawah dan berhubungan dengan perakuan yang habisnya tempoh itu.

BAB 8

Had pergantungan yang disyorkan dan liabiliti

Had per-gantungan yang disyorkan.

- 60.** (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah, dalam mengeluarkan perakuan kepada pelanggan, menyatakan had pergantungan yang disyorkan dalam perakuan itu.
- (2) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu boleh menyatakan had berlainan dalam perakuan berlainan sebagaimana yang difikirkannya patut.

61. Melainkan jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen mengetepikan pemakaian seksyen ini, suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen—

Had liabiliti
bagi pihak
berkuasa
pemerakuan
berlesen.

- (a) tidaklah berliabiliti bagi apa-apa kehilangan yang disebabkan oleh kebergantungan pada tandatangan digital pelanggan yang palsu atau yang dipalsukan, jika, berkenaan dengan tandatangan digital yang palsu atau yang dipalsukan itu, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu telah mematuhi kehendak Akta ini;
- (b) tidaklah berliabiliti melebihi amaun yang dinyatakan dalam perakuan sebagai had pergantungan yang disyorkannya bagi sama ada—
 - (i) kehilangan yang disebabkan oleh kebergantungan pada suatu salah nyata dalam perakuan itu mengenai apa-apa fakta yang pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu dikehendaki mengesahkan; atau
 - (ii) kegagalan mematuhi seksyen 29 dan 30 dalam mengeluarkan perakuan itu; dah
- (c) tidaklah berliabiliti bagi—
 - (i) ganti rugi punitif atau teladan; atau
 - (ii) ganti rugi bagi sakit atau penderitaan.

BAHAGIAN V

KESAN TANDATANGAN DIGITAL

62. (1) Jika rukun undang-undang menghendaki tandatangan atau memperuntukkan akibat tertentu dalam ketiadaan tandatangan, rukun itu hendaklah dipuaskan oleh suatu tandatangan digital jika—

Kepuasan
kehendak
tandatangan.

- (a) tandatangan digital itu disahbetulkan dengan merujuk kepada kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan sah yang dikejuarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen;

- (b) tandatangan digital itu telah ditambah oleh penandatangan dengan niat untuk menandatangani mesej itu; dan
 - (c) penerima tidak mempunyai pengetahuan atau notis bahawa penandatangan itu—
 - (i) telah melanggar kewajipan sebagai pelanggan; atau
 - (ii) tidak memegang kunci persendirian yang digunakan untuk menambah tandatangan digital itu secara sah.
- (2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan—
- (a) suatu dokumen yang ditandatangani dengan tandatangan digital mengikut Akta ini hendaklah mengikat di sisi undang-undang seperti suatu dokumen yang ditandatangani dengan suatu tandatangan tulisan tangan, suatu cap ibu jari yang ditambah atau apa-apa tanda lain; dan
 - (b) suatu tandatangan digital yang dihasilkan mengikut Akta ini hendaklah disifatkan sebagai suatu tandatangan yang mengikat di sisi undang-undang.
- (3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang apa-apa simbol daripada menjadi sah sebagai suatu tandatangan di bawah mana-mana undang-undang terpakai lain.

Tandatangan
digital yang
tidak boleh
dipercayai.

- 63.** (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh undang-undang atau kontrak, penerima tandatangan digital menerima risiko yang tandatangan digital dipalsukan, jika kebergantungan pada tandatangan digital itu tidak munasabah di bawah hal keadaan itu.

(2) Jika penerima menentukan untuk tidak bergantung pada tandatangan digital di bawah seksyen ini, penerima hendaklah memberitahu penandatangan dengan segera mengenai penentuannya untuk tidak bergantung pada tandatangan digital dan alasan bagi penentuan itu.

64. (1) Suatu mesej hendaklah sah, berkuatkuasa dan berkesan seolah-olah ia telah ditulis atas kertas jika—

- (a) ia mengandungi secara keseluruhannya suatu tandatangan digital; dan
- (b) tandatangan digital itu disahbetulkan oleh kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan yang—
 - (i) telah dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen; dan
 - (ii) sah pada masa tandatangan digital itu dihasilkan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang apa-apa mesej, dokumen atau rekod daripada disifatkan sebagai bertulis atau secara tulisan di bawah mana-mana undang-undang terpakai lain.

65. Suatu salinan mesej yang ditandatangani secara digital hendaklah sah, berkuatkuasa dan berkesan seperti asal mesej itu melainkan jika adalah jelas bahawa penandatangan telah menetapkan suatu hal tertentu mesej yang ditandatangani secara digital itu sebagai asal yang unik, yang dalam hal itu hanya hal tertentu itu merupakan mesej yang sah, berkuatkuasa dan berkesan.

66. Perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah merupakan pengakuterimaan tandatangan digital yang disahbetulkan dengan merujuk kepada kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan, tidak kira sama ada perkataan mengenai pengakuterimaan nyata terdapat dengan tandatangan digital itu dan tidak kira sama ada penandatangan hadir secara

Dokumen yang ditan datangani secara digital disifatkan sebagai dokumen bertulis.

Dokumen yang ditan datangani secara digital disifatkan sebagai dokumen asal.

Pengesahan tandatangan digital.

fizikal di hadapan pihak berkuasa pemerakuan berlesen apabila tandatangan digital itu dihasilkan, jika tandatangan digital itu—

- (a) boleh disahbetulkan oleh perakuan itu; dan
- (b) ditambahkan semasa perakuan itu sah.

Anggapan dalam menghakimi pertikaian.

67. Dalam menghakimi pertikaian yang melibatkan tandatangan digital, mahkamah hendaklah menganggap—

- (a) bahawa perakuan yang ditandatangani secara digital oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan—
 - (i) yang disiarkan dalam repositori diiktiraf; atau
 - (ii) yang diadakan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan atau oleh pelanggan yang disenaraikan dalam perakuan,

adalah dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang menandatanganinya secara digital dan adalah diterima oleh pelanggan yang disenaraikan di dalamnya;

- (b) bahawa maklumat yang disenaraikan dalam perakuan sah dan disahkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen yang mengeluarkan perakuan itu adalah tepat;
- (c) bahawa jika tandatangan digital disahbetulkan oleh kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen—
 - (i) tandatangan digital itu adalah tandatangan digital pelanggan yang disenaraikan dalam perakuan itu;
 - (ii) tandatangan digital itu telah ditambah oleh pelanggan itu dengan niat untuk menandatangani mesej itu; dan

(iii) penerima tandatangan digital itu tidak mempunyai pengetahuan atau notis bahawa penandatangan itu—

(A) telah melanggar kewajipan sebagai pelanggan; atau

(B) tidak memegang kunci persendirian yang digunakan untuk menambah tandatangan digital itu secara sah; dan

(d) bahawa tandatangan digital dihasilkan sebelum ia ditanda masa oleh suatu perkhidmatan penanda tarikh/masa diiktiraf yang menggunakan sistem boleh dipercayai.

BAHAGIAN VI

REPOSITORI DAN PERKHIDMATAN PENANDA TARIKH/MASA

68. (1) Pengawal boleh mengiktiraf satu atau lebih repositori, setelah menentukan bahawa repositori yang hendak diiktiraf memuaskan kehendak yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini. Pengiktirafan repositori.

(2) Prosedur bagi pengiktirafan repositori hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Pengawal hendaklah menyiaran senarai repositori diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan olehnya.

69. (1) Walau apa pun apa-apa penolakan oleh repositori atau apa-apa kontrak yang berlawanan antara repositori dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen atau pelanggan, repositori hendaklah berliabiliti bagi kehilangan yang dilakukan oleh seseorang yang dengan munasabahnya Liabiliti repositori.

bergantung pada suatu tandatangan digital yang disah-betulkan oleh kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan yang digantung atau dibatalkan, jika kehilangan dilakukan lebih daripada satu hari perniagaan selepas repositori menerima permintaan untuk menyiaran notis penggantungan atau pembatalan, dan repositori itu tidak menyiaran notis itu apabila orang itu bergantung pada tandatangan digital itu.

(2) Melainkan jika diketepikan, repositori diiktiraf atau pemunya atau pengehdali repositori diiktiraf—

- (a) tidaklah berliabiliti bagi kegagalan untuk merekodkan penyiaran sesuatu penggantungan atau pembatalan, melainkan jika repositori itu telah menerima notis mengenai penyiaran dan satu hari perniagaan telah berlalu sejak notis itu diterima;
- (b) tidaklah berliabiliti di bawah subseksyen (1) melebihi amaun yang dinyatakan dalam perakuan sebagai had pergantungan yang disyorkan;
- (c) tidaklah berliabiliti di bawah subseksyen (1) bagi—
 - (i) ganti rugi punitif atau teladan; atau
 - (ii) ganti rugi bagi sakit atau penderitaan;
- (d) tidaklah berliabiliti bagi salah nyata dalam perakuan yang disiarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan;
- (e) tidaklah berliabiliti kerana merekodkan atau melaporkan dengan tepat maklumat yang disiarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen, mahkamah atau Pengawal sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Akta ini, termasuk maklumat mengenai penggantungan atau pembatalan perakuan; dan
- (f) tidaklah berliabiliti kerana melaporkan maklumat mengenai sesuatu pihak berkuasa pemerakuan, sesuatu perakuan atau seseorang pelanggan, jika

maklumat itu disiarkan sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Akta ini atau disiarkan atas perintah Pengawal pada melaksanakan kewajipan pelesenan dan pengawalseliaannya di bawah Akta ini.

70. (1) Pengawal boleh mengiktiraf satu atau lebih perkhidmatan penanda tarikh/masa, setelah menentukan bahawa sesuatu perkhidmatan yang hendak diiktiraf memuaskan kehendak yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Prosedur bagi pengiktirafan perkhidmatan penanda tarikh/masa hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Pengawal hendaklah menyiarkan senarai perkhidmatan penanda tarikh/masa diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan olehnya.

Pengiktirafan
perkhidmatan
penanda
tarikh/masa.

BAHAGIAN VII

AM

71. (1) Tiada pihak berkuasa pemerakuan, sama ada dilesenkan atau tidak, boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang menghasilkan risiko kehilangan yang tak munasabah kepada pelanggan pihak berkuasa pemerakuan itu, kepada orang yang bergantung pada perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan itu atau kepada repositori.

Larangan
terhadap
aktiviti
merbahaya.

(2) Pengawal boleh menyiarkan dalam satu atau lebih repositori diiktiraf pernyataan ringkas yang menasihatkan pelanggan, orang yang bergantung pada tandatangan digital dan repositori mengenai apa-apa aktiviti pihak berkuasa pemerakuan, sama ada dilesenkan atau tidak, yang menghasilkan risiko yang dilarang di bawah subseksyen (1).

(3) Pihak berkuasa pemerakuan yang dinamakan dalam sesuatu pernyataan sebagai menghasilkan atau menyebabkan suatu risiko boleh membantah penyiaran pernyataan itu dengan memfailkan suatu pembelaan bertulis ringkas.

(4) Apabila diterima bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (3), Pengawal hendaklah menyiarkan pembelaan bertulis itu bersama dengan pernyataan Pengawal, dan hendaklah dengan serta-merta memberi pihak berkuasa pemerakuan yang membantah itu notis serta peluang yang munasabah untuk didengar.

(5) Jika, selepas suatu pendengaran, Pengawal menentukan bahawa penyiaran pernyataan nasihat itu tidak wajar, Pengawal hendaklah membatalkan pernyataan nasihat itu.

(6) Jika, selepas suatu pendengaran, Pengawal menentukan bahawa pernyataan nasihat itu tidak lagi wajar, Pengawal hendaklah membatalkan pernyataan nasihat itu.

(7) Jika, selepas suatu pendengaran, Pengawal menentukan bahawa pernyataan nasihat itu tetap wajar, Pengawal boleh meneruskah atau meminda pernyataan nasihat itu dan boleh mengambil tindakan undang-undang selanjutnya untuk menyingkirkan atau mengurangkan risiko yang dilarang di bawah subseksyen (1).

(8) Pengawal hendaklah menyiarkan keputusannya di bawah subseksyen (5), (6) atau (7), mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam satu atau lebih repositori diiktiraf.

Kewajipan kerahsiaan.

72. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini, tiada seorang pun yang mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat, maklumat, dokumen atau bahan lain yang diperoleh di bawah Akta ini boleh menzahirkan rekod, buku, daftar, surat, maklumat, dokumen atau bahan lain itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

73. Seseorang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberikan apa-apa perisyiharan, Maklumat palsu. penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah Akta ini yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butiran adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

74. (1) Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab ke atas pengurusan apa-apa hal-ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian— Kesalahan oleh permbuahan perbadanan.

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) sekiranya pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pemberiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh, di bawah Akta ini, dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerjanya dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Pegawai
diberikuasa.

75. (1) Menteri boleh memberikuasa secara bertulis mana-mana pegawai awam atau pegawai Pengawal untuk menjalankan kuasa penguatuasaan di bawah Akta ini.

N.M.B.
Bab 45.

(2) Mana-mana pegawai sedemikian hendaklah disifatkan sebagai seorang pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

(3) Pada menjalankan mana-mana kuasa penguatuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberikuasa hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak surat pemberikuasaan yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

Kuasa untuk
menyiasat.

76. (1) Pengawal boleh menyiasat aktiviti suatu pihak berkuasa pemerakuan yang material kepada pematuhaninya dengan Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pengawal boleh mengeluarkan perintah kepada pihak berkuasa pemerakuan untuk melanjutkan penyiasatannya dan mendapatkan pematuhan dengan Akta ini.

(3) Selanjutnya, dalam apa-apa hal yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pegawai diberikuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana daripada kuasa khas berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Prosedur Jenayah.

*N.M.B.
Bab 6.*

77. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberikuasa mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana pegawai diberikuasa yang dinamakan dalamnya, masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana menggeledah dan menyita—

- (a) salinan apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau yang disyaki dengan munasabah mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan sedemikian;
- (b) apa-apa papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis atau alat lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa orang itu ialah pihak berkuasa pemerakuan berlesen; dan
- (c) apa-apa dokumen, artikel atau benda lain yang dengan munasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Seseorang pegawai polis atau seseorang pegawai diberikuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, jika pada pendapatnya adalah dengan munasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat ke dalam kesalahan itu, memeriksa badan mana-mana orang yang berada dalam atau atas premis itu.

(3) Seseorang pegawai polis atau seseorang pegawai diberikuasa yang membuat pemeriksaan badan di bawah subseksyen (2) boleh menyita, menahan atau mengambil milik apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, artikel atau benda yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai itu.

(4) Tiada seorang pun wanita boleh diperiksa badannya di bawah seksyen ini kecuali oleh seorang wanita lain.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, artikel atau benda yang disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, artikel atau benda itu dalam premis atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, artikel atau benda yang dilakukannya atau mencuba untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Penggele-
dahan dan
penyitaan
tanpa waran.

78. Jika seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 77 mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan di dalam, ke atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 77 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberikuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

79. (1) Seseorang pegawai polis yang menjalankan penggeledahan di bawah seksyen 77 atau 78 atau seseorang pegawai diberikuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah seksyen 77 hendaklah diberikan akses kepada data berkomputer sama ada distorkan dalam suatu komputer atau selainnya.

Akses kepada data berkomputer.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "akses" termasuklah dengan diperuntukkan dengan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami.

80. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, artikel atau benda disita di bawah seksyen 77 atau 78, pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menghantarserahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah, atau kepada ejen atau pengkhidmatnya, di premis itu.

Senarai benda disita.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai yang menyita itu hendaklah bilamasa boleh melekatkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

81. Mana-mana orang yang menghalang, merintangi, menyerang atau mengganggu mana-mana pegawai diberikuasa dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Halangan pegawai diberikuasa.

82. Seseorang pegawai diberikuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada yang berikut:

Kuasa tambahan.

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen yang disimpan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan meneliti, memeriksa dan menyalin mana-mana rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen itu;

- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubungan dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi.

Penalti am.

83. (1) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda harian tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "Akta ini" tidak termasuk peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Mendapatkan kos prosedural.

84. Jika Pengawal mendapati bahawa pihak berkuasa pemerakuan telah melanggar Akta ini, Pengawal boleh memerintahkan pihak berkuasa pemerakuan itu membayar kos yang dilakukan oleh Pengawal dalam prosiding pendakwaan dan penghakiman berhubungan dengan perintah itu dan dalam menguatkuasakannya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh diperdagangkan.

85. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, alat, artikel atau benda yang disita pada menjalankan atau yang dikatakan pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Permulaan dan pen-jalanan pendakwaan.

86. (1) Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa kebenaran secara bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Pengawal yang diberikuasa secara bertulis dengan sewajarnya oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

87. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, suatu Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

Bidang kuasa
membicara-
kan
kesalahan.

88. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

Perlindungan
pegawai.

- (a) Pengawal atau mana-mana pegawai yang diberikuasa dengan sewajarnya di bawah Akta ini bagi atau atas atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau dikatakan dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pengawal atau mana-mana pegawai yang diberikuasa dengan sewajarnya di bawah Akta ini jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai dengan munasabah bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan dicapai olehnya.

89. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini, kecuali seksyen 4.

Kuasa untuk
mengecualikan.

(2) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut atas apa-apa pengecualian di bawah subseksyen (1).

Batasan atas penolakan atau penghadan pemakaian Akta.

Peraturan-peraturan.

90. Melainkan jika diperuntukkan secara nyata di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh menolak atau menghadkan secara kontraktual pemakaian Akta ini.
91. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:
- (a) menetapkan kehendak kelayakan bagi pihak berkuasa pemerakuan;
 - (b) menetapkan cara memohon bagi lesen dan perakuan di bawah Akta ini, butir-butir yang hendaklah dikemukakan oleh pemohon, cara melesenkan dan memperakukan, fee yang kena dibayar mengenainya, syarat atau sekatan yang hendaklah dikenakan dan borang bagi lesen dan perakuan;
 - (c) mengawalselia pengendalian pihak berkuasa pemerakuan berlesen;
 - (d) menetapkan kehendak untuk kandungan, bentuk dan sumber maklumat dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan, pengemaskinian dan ketepatan pada masanya maklumat itu serta amalan dan dasar lain yang berhubungan dengan rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan;
 - (e) menetapkan borang pernyataan amalan pemerakuan;
 - (f) menetapkan kehendak kelayakan bagi juruaudit dan prosedur untuk audit;
 - (g) menetapkan kehendak bagi repositori dan prosedur bagi pengiktirafan repositori;
 - (h) menetapkan kehendak bagi perkhidmatan penanda tarikh/masa dan prosedur bagi pengiktirafan perkhidmatan penanda tarikh/masa;

- (i) menetapkan prosedur bagi memeriksa perisian yang digunakan dalam menghasilkan tandatangan digital dan standard yang terpakai berhubungan dengan tandatangan digital dan amalan pemerakuan serta bagi menyiarakan laporan mengenai perisian dan standard itu;
- (j) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;
- (k) menetapkan fee dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara memungut dan membelanjakan fee dan caj itu;
- (l) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dicadangkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

92. (1) Suatu pihak berkuasa pemerakuan yang telah menjalankan atau mengendalikan sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan sebelum Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah, tidak lewat dari tiga bulan dari mula berkuatkuasanya itu, memperoleh suatu lesen di bawah Akta ini.

Kecualian
dan
peralihan.

(2) Jika suatu pihak berkuasa pemerakuan yang disebut dalam subseksyen (1) tidak memperoleh lesen selepas tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), maka ia hendaklah disifatkan sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan tak berlesen dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai kepadanya dan perakuan yang dikeluarkan olehnya dengan sewajarnya.

(3) Jika suatu pihak berkuasa pemerakuan yang disebut dalam subseksyen (1) telah memperoleh lesen mengikut Akta ini dalam tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), segala perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan itu sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, setakat yang ia tidak tak konsisten dengan Akta ini, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan di bawah Akta ini dan hendaklah mempunyai kesan yang sewajarnya.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan mengenai, dan mengawalselia penggunaan, tandatangan digital dan mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

3. Bahagian II memperkatakan Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan dan pelesenan pihak berkuasa pemerakuan.

Fasal 3 bertujuan memberi Menteri kuasa melantik seorang Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan. Ia juga bertujuan memberi Pengawal kuasa, setelah berunding dengan Menteri, untuk melantik sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat yang difikirkan perlu oleh Pengawal. Pungsi Pengawal pada asasnya ialah untuk melesenkan pihak berkuasa pemerakuan serta mengawasi dan menyelia aktiviti pihak berkuasa pemerakuan.

Fasal 4 bertujuan memasukkan suatu skim pelesenan wajib bagi pihak berkuasa pemerakuan. Skim pelesenan wajib itu adalah dicadangkan untuk mengadakan sistem pengawalseliaan minimum untuk memperuntukkan tahap kebolehpercayaan asas dalam amalan pihak berkuasa pemerakuan tanpa menjelaskan kebolehpercayaan mana-mana tandatangan dengan mentaksahkannya kerana ketiadaan lesen pengawalseliaan. Di bawah skim yang dicadangkan, suatu tandatangan digital boleh, walau apa pun, boleh dipercayai dan sah di sisi undang-undang jika disahbetulkan oleh perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan tak berlesen atau tanpa disahbetulkan oleh apa-apa perakuan pun. Walau bagaimana sekalipun,

dalam hal sedemikian dan sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata dalam *fasal 13* Akta yang dicadangkan, had liabiliti yang dinyatakan dalam Bab 8 Bahagian IV Akta yang dicadangkan mahupun Bahagian V Akta yang dicadangkan tidak boleh terpakai.

Subfasal 4(3) bertujuan membenarkan Menteri mengecualikan seseorang yang beroperasi sebagai pihak berkuasa pemerakuan dalam sesuatu organisasi jika perakuan dan pasangan kunci dikeluarkan kepada anggota organisasi itu untuk kegunaan dalam sahaja dan mana-mana orang atau golongan orang lain yang difikirkan patut oleh Menteri.

Fasal 5 bertujuan memberi Menteri kuasa menetapkan kehendak kelayakan bagi pihak berkuasa pemerakuan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 6 bertujuan mengadakan peruntukan bagi fungsi pihak berkuasa pemerakuan berlesen. Ia juga bertujuan mengenakan kewajipan atas pihak berkuasa pemerakuan berlesen untuk mengambil segala langkah munasabah untuk memeriksa bagi pengenalpastian sewajarnya pelanggan sebelum mengeluarkan perakuan.

Fasal 7 hingga *11* bertujuan mengadakan peruntukan bagi permohonan bagi lesen dan pengeluaran, penyerahan balik dan pembatalan lesen.

Fasal 12 bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesan pembatalan, penyerahan balik atau habisnya tempoh lesen. *Subfasal 12(5)* hingga *(8)* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan jika lesennya telah dibatalkan atau diserahkan balik atau telah habisnya tempoh.

Fasal 13 bertujuan memperjelaskan kesan ketiadaan lesen, iaitu, Bab 8 Bahagian IV Akta yang dicadangkan tidak akan terpakai kepada pihak berkuasa pemerakuan tak berlesen dan Bahagian V Akta yang dicadangkan tidak akan terpakai berhubungan dengan tandatangan digital yang tidak dapat disahbetulkan oleh suatu perakuan yang dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen.

Fasal 14 bertujuan menghendaki pengembalian lesen yang dibatalkan atau habisnya tempoh.

Fasal 15 bertujuan membenarkan Pengawal mengelaskan lesen mengikut batasan yang dinyatakan dan memperuntukkan bahawa jika pihak berkuasa pemerakuan berlesen mengeluarkan perakuan melebihi sekatan lesennya, pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu adalah melakukan suatu kesalahan. Selanjutnya, had liabiliti yang dinyatakan dalam Bab 8 Bahagian IV tidak terpakai baginya. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh menyentuh kesahan atau kesan perakuan yang dikeluarkan itu.

Fasal 16 bertujuan menyekat penggunaan ungkapan "pihak berkuasa pemerakuan" dan "pihak berkuasa pemerakuan berlesen".

Fasal 17 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pembaharuan lesen sementara *fasal 18* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penggantian lesen yang hilang.

Fasal 19 bertujuan membenarkan Pengawal, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengiktiraf pihak berkuasa pemerakuan asing dan dengan itu membenarkan had pergantungan yang disyorkan yang dinyatakan dalam perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan asing itu terpakai dan Bahagian V Akta yang dicadangkan terpakai bagi perakuan yang dikeluarkan olehnya.

Fasal 20 bertujuan mengadakan peruntukan bagi audit prestasi ke atas pihak berkuasa pemerakuan berlesen untuk menilai pematuhaninya dengan Akta yang dicadangkan. *Fasal 21* bertujuan memperuntukkan pengecualian terhad daripada audit prestasi kepada perniagaan kecil.

4. Bahagian III (*fasal 22* hingga *26*) memperkatakan kehendak yang dikenakan ke atas pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan termasuklah menghendaki pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu untuk hanya menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam lesennya, untuk mempamerkan lesenna dan untuk mengemukakan maklumat berhubungan dengan kendalian perniagaannya.

5. Bahagian IV (*fasal 27* hingga *61*) memperkatakan kewajipan pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pelanggan. Kewajipan pihak berkuasa pemerakuan berlesen termasuklah menggunakan sistem boleh dipercayai untuk mengeluarkan, menggantung atau membatalkan perakuan, untuk menyiarkan atau memberikan notis mengenainya dan untuk menghasilkan kunci persendirian, untuk menyiarkan perakuan yang dikeluarkan dan diterima serta untuk menggantung atau membatalkan perakuan dengan serta-merta jika keperluan berbangkit. *Fasal 31* memperuntukkan bahawa pihak berkuasa pemerakuan berlesen boleh mematuhi standard, pernyataan amalan pemerakuan, pelan keselamatan atau kehendak kontraktual yang lebih ketat daripada Akta yang dicadangkan dengan syarat ia tidak tak konsisten dengannya.

Kewajipan pelanggan termasuk mengekalkan kawalan ke atas kunci persendirian dan mengamalkan pengurusan kunci yang selamat. *Fasal 44* memperuntukkan bahawa kunci persendirian merupakan harta persendirian pelanggan yang memegangnya secara sah.

Fasal 34 hingga *42* bertujuan mengadakan peruntukan bagi waranti dan obligasi pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pelanggan atas pengeluaran dan penerimaan perakuan.

Tandatangan Digital

Fasal 60 dan 61 bertujuan mengadakan peruntukan bagi had pergantungan yang disyorkan. Dengan menyatakan had pergantungan yang disyorkan dalam perakuan, pihak berkuasa pemerakuan yang mengeluarkan dan pelanggan yang menerima mengesyorkan supaya seseorang bergantung pada perakuan itu hanya setakat yang jumlah amaan yang risiko tidak melebihi had pergantungan yang disyorkan.

6. Bahagian V memperkatakan kesan tandatangan digital.

Fasal 62 bertujuan memperuntukkan bahawa tandatangan digital yang dihasilkan mengikut Akta yang dicadangkan hendaklah memuaskan kehendak undang-undang berkenaan dengan tandatangan dan bahawa walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, suatu dokumen yang ditandatangani dengan tandatangan digital mengikut Akta yang dicadangkan hendaklah mengikat di sisi undang-undang seperti suatu dokumen yang ditandatangani dengan suatu tandatangan tulisan tangan, suatu cap ibu jari yang ditambah atau apa-apa tanda lain. Walau bagaimana sekalipun, Akta yang dicadangkan tidak menghalang apa-apa simbol daripada menjadi sah sebagai suatu tandatangan di bawah mana-mana undang-undang terpakai lain.

Fasal 63 bertujuan memperuntukkan bahawa penerima tandatangan digital menerima risiko yang tandatangan digital dipalsukan jika di bawah hal keadaan itu kebergantungan padanya tidak munasabah. Ia juga bertujuan mengenakan kewajipan atas penerima yang tidak bergantung pada tandatangan digital untuk memberitahu penandatangan mengenai penentuannya dan alasan bagi penentuan itu.

Fasal 64 bertujuan menyifatkan dokumen yang ditandatangani secara digital sebagai dokumen bertulis sementara fasal 65 bertujuan menyifatkan dokumen yang ditandatangani secara digital sebagai dokumen asal.

Fasal 66 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pengesahan tandatangan digital.

Fasal 67 bertujuan mengadakan anggapan tertentu dalam menghakimi pertikaian.

7. Bahagian VI memperkatakan repositori dan perkhidmatan penanda tarikh/masa.

Fasal 68 dan 69 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan repositori dan liabilitinya.

Fasal 70 bertujuan mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan perkhidmatan penanda tarikh/masa.

Rang Undang-Undang

8. Bahagian VII memperkatakan perkara am.

Fasal 72 bertujuan mengenakan kewajipan kerahsiaan atas orang yang mempunyai akses kepada maklumat sulit yang diperoleh di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 73 bertujuan menjadikan pemberian maklumat tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan suatu kesalahan.

Fasal 74 bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Fasal 75 bertujuan memberi Menteri kuasa memberikuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai Pengawal menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 76 hingga *82* bertujuan memberi Pengawal kuasa berhubungan dengan penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan.

Fasal 83 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penalti am bagi pelanggaran Akta yang dicadangkan iaitu denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, denda harian tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Fasal 84 bertujuan memberi Pengawal kuasa mendapatkan kos yang dilakukan berhubungan dengan prosiding pendakwaan dan penghakiman.

Fasal 85 bertujuan memperuntukkan bahawa kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penjalanan dengan sewajarnya kuasa penyitaan di bawah Akta yang dicadangkan tidak boleh diperdapatkan.

Fasal 86 bertujuan memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah hanya dimulakan dengan kebenaran secara bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 87 bertujuan memperuntukkan bahawa walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, suatu Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

Fasal 89 bertujuan memberi Menteri kuasa mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan, kecuali seksyen 4.

Fasal 91 bertujuan memberi Menteri kuasa membuat peraturan-peraturan. *Subfasal 91(2)* bertujuan memperuntukkan bahawa peraturan-peraturan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran peraturan-peraturan.

Fasal 92 bertujuan mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini.
[PN. (U²) 1971.]